

## MEMBACA PERWATAKAN STAMFORD RAFFLES MENGGUNAKAN PENSEJARAHAN BARU: ANALISIS DUA TEKS

SITI AISYAH BINTE MOHAMED SALIM  
*Madrasah Alsagoff Al-Arabiah*  
*siti\_aimasyak@hotmail.com*

UNGKU MAIMUNAH MOHD TAHIR  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*ungkumaimunah@yahoo.com*

### ABSTRAK

Sebagai tokoh sejarah yang terlibat secara langsung dalam sejarah Singapura, perwatakan Stamford Raffles mendapat perhatian penulis sejarah dan juga penulis kreatif. Makalah ini menganalisis perwatakan Stamford Raffles dalam dua buah teks iaitu *Hikayat Abdullah*, sebuah autobiografi oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, dan *Duka Tuan Bertakhta*, sebuah novel oleh Isa Kamari, seorang penulis kreatif Singapura. Selain daripada genre yang berbeza, kedua-dua teks tersebut juga dihasilkan pada zaman yang berbeza. Analisis perwatakan Stamford Raffles telah memanfaatkan dua idea pokok Pensejaraahan Baru, iaitu idea keterlibatan kuasa dalam pembentukan wacana yang menjadikan sesuatu tulisan itu tidak polos sifatnya, dan juga idea “rundingan” yang berlaku antara penulis dan bahan tulisannya dalam proses menghasilkan karya. Rundingan ini secara khusus menjurus kepada latar belakang penulis serta pegangannya sebagai faktor penting yang mencorakkan tulisan yang dihasilkan. Analisis menunjukkan bahawa pemerian perwatakan Stamford Raffles dalam *Hikayat Abdullah* lebih bersifat positif dengan penonjolan ciri kepintaran, disiplin, kegigihan dan keberanian tokoh tersebut. Hal ini disebabkan oleh hubungan baik antara Abdullah Munsyi dengan Stamford Raffles yang merupakan majikannya yang dikagumi. *Duka Tuan Bertakhta* sebaliknya memaparkan perwatakan Stamford Raffles yang negatif dengan penonjolan sifat angkuh, tidak prihatin kepada masyarakat tempatan dan berkepentingan sendiri. Hal ini disebabkan oleh hasrat Isa Kamari untuk menyanggah sejarah konvensional Singapura yang mengiktiraf Stamford Raffles sebagai tokoh yang “menemui” Singapura, di samping menafikan peranan orang Melayu dalam sejarah berkenaan.

**Kata kunci:** Pensejaraahan Baru; sejarah; rundingan; kuasa; latar belakang

## READING STAMFORD RAFFLES USING NEW HISTORICISM: AN ANALYSIS OF TWO TEXTS

### ABSTRACT

As an historical figure that was directly involved in the history of Singapore, representations of Stamford Raffles’ character have attracted the interest of historians and creative writers. This article analyses representations of Stamford Raffles’ character in *Hikayat Abdullah*, an autobiography by Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi and *Duka Tuan Bertakhta*, a novel by the Singaporean creative writer, Isa Kamari. Aside from the different genres, the two texts are the products of two different eras. The analysis of Stamford Raffles’ characterisation is based on two principal ideas advanced by New Historicism. These include, on the one hand, the idea of power as being involved in discourse-making, thereby rendering a written piece as far from being innocent. On the other hand, the idea of “negotiation” that inevitably takes place

between a writer and his materials during the process of writing makes the writer's background and his beliefs an important factor that shapes his written work. The analysis shows that in highlighting such traits as intelligence, discipline, diligence and courage, *Hikayat Abdullah* presents a positive characterisation of Raffles. This positive portrayal is due to Abdullah Munsyi's close relationship with Stamford Raffles, his employer whom he admired. On the other hand, by investing Stamford Raffles with such traits as arrogance, insensitivity towards the local inhabitants and self-interest, the novel's portrayal is decidedly negative. This is due to Isa Kamari's chosen contestation of Singapore's conventional history that is apt to tout Stamford Raffles as the "founder" of Singapore, at the same time that it marginalises the role of Malays.

**Keywords:** New Historicism, history; negotiation; power; background

## PENGENALAN

Pada umumnya sejarah merupakan rakaman peristiwa yang telah berlaku. Catatan yang dibuat itu pada hakikatnya merupakan bahagian tertentu yang dipilih dan diangkat sebagai sejarah, khususnya yang dapat membantu memahami sumbangan ekonomi, politik, sosial dan budaya sesuatu tempat dan masyarakat (Lerner, 1990). Walaupun demikian, fragmen sejarah yang dipilih sebagai bahan rakaman itu menjalani proses interpretasi di tangan perakam atau penulisnya. Pengaruh latar belakang penulis memainkan peranan penting dalam interpretasi tersebut, yang seterusnya memberikan warna lokal kepada sejarah yang dilakarkan (Halls, 2001). Keadaan ini berlaku pada setiap tulisan sejarah, dan dalam hal ini sejarah Singapura juga tidak terkecuali. Ia telah ditulis oleh beberapa orang sarjana tempatan dan luar negara dengan versi mereka yang tersendiri seperti perihal Singapura yang ditulis oleh Abdullah Munsyi (1963), Moore D. et al. (1965), Syed Hussien Al-Attas (1971), Lee Kuan Yew (1998), Lily Zubaidah Rahim (1998), Syed Muhd Khairuddin Aljunied (2005), Tun Seri Lanang (A. Samad Ahmad 2008) dan Bastin (2012).

Dewasa ini, terbit pula penulisan sejarah Singapura yang dinukilkkan melalui genre novel iaitu *Duka Tuan Bertakhta* karya Isa Kamari seorang penulis kreatif dari Singapura. Dalam menghasilkan novel tersebut, Isa Kamari memperakui bahawa antara bahan yang beliau rujuk ialah *Hikayat Abdullah* tulisan Abdullah Munsyi (1963). Justeru, adalah menarik untuk melihat sejarah Singapura yang terlakar di tangan kedua-dua orang penulis tersebut berdasarkan persekitaran yang mempengaruhi penulisan mereka. Hal ini bertujuan untuk melihat persamaan atau perbezaan yang terserlah, yang kesemuanya akan diteliti melalui pemerian tokoh Stamford Raffles. Bagi tujuan tersebut, makalah ini akan memanfaatkan perspektif Pensejarahan Baru.

## PENSEJARAHAN BARU: BEBERAPA IDEA POKOK

Pensejarahan Baru atau New Historicism merupakan sebuah teori yang muncul setelah teori pasca-strukturalisme bergerak di Barat. Pensejarahan Baru lahir pada tahun 1980-an dan antara tokoh yang membicarakan teori ini ialah Stephen Greenblatt, Louis Montrose dan Pierre Macherey. Teori ini mengajukan pandangan bahawa teks merupakan produk yang terhasil daripada sejarah yang diolah oleh pengarang.

Pensejarahan Baru pada mulanya dipengaruhi oleh wacana kekuasaan yang diajukan oleh Michel Foucault (1926-1984). Perihal kaitan wacana kekuasaan dengan sastera disebut oleh Berthens seperti berikut: "Literature does not simply reflect relations of power, but actively participates in the consolidation and/or construction of discourses and ideologies, just as it functions as an instrument in the construction of identities." (Bertens, 2001: 177).

Kenyataan tersebut menyatakan bahawa karya sastera bukan sahaja mencerminkan kuasa tetapi secara aktif terlibat dalam pembikinan dan pemantapan kuasa, sama seperti ia berperanan dalam pembikinan identiti. Dalam konteks ini, penghasilan sastera bukan merupakan suatu aktiviti yang polos dan bebas daripada pengaruh faktor luar yang turut mencorakkan karya yang terhasil. Malah, seperti yang ditekankan, sastera bukan sahaja menyerlahkan wacana dan ideologi tetapi turut terlibat dalam pembentukan wacana dan ideologi yang diserlahkannya itu. Sehubungan ini, latar belakang pengarang serta pegangan yang diyakini atau dianuti turut menjadi faktor penting dalam proses pembikinan dan penyerlahan wacana serta ideologi dalam karya yang dinukilkan.

Dari sisi yang lain, Pensejarahan Baru juga boleh dijelaskan sebagai metode atau cara yang melihat keselarian teks sastera dengan sejarah. Keselarian di sini bermaksud teks sastera dan sejarah mempunyai kepentingan yang sama dalam memaknakan dan menghidupkan pemikiran pengarang. Hal ini juga dijelaskan oleh Roger Webster (2004: 93) sebagai “suatu sejarah alternatif, yang baharu, terhadap huraian dan amalan sejarah yang konvensional...” Petikan tersebut memperlihatkan bahawa karya sastera yang dilihat menerusi teori Pensejarahan Baru ini menawarkan suatu bentuk sejarah yang berbeza daripada sejarah konvensional. Sepertimana definisi ringkas yang dikemukakan oleh Louis Montrose, Pensejarahan Baru mengambil kira ‘*textuality of history and historicity of text*’ (Barry, 2009: 165) untuk membina sebuah sejarah alternatif. *Historicity of text* bermaksud *segala wacana yang berada di sekeliling akan membentuk sesbuah teks sastera*; manakala *textuality of history* pula bermakna *sejarah tidak bersifat jumud dan mampu diinterpretasi dengan pelbagai maksud*. Dengan itu, karya sastera (teks) dan catatan sejarah (teks bersama atau co-text) akan dinilai bersama kerana memiliki ruang waktu sejarah yang sama. Hal ini diperkuuhkan oleh Halls yang mengatakan “Literature is not simply a product of history, it also actively *makes history*” (Bertens, 2001: 177, penekanan dikekalkan). Sehubungan itu, dapat dikatakan di sini bahawa karya sastera juga merupakan suatu pembinaan sejarah yang sekali gus bertanggungjawab menyerlahkan pemahaman tentang sesuatu sejarah tertentu. Hal ini bersesuaian dengan pengaruhnya yang mampu membentuk identiti sesebuah masyarakat. Dengan itu, pengisian karya sastera yang dipercayai menyisipkan wacana dan pemikiran penulis cukup untuk mengangkat teks sebagai suatu pembinaan sejarah.

Selain itu, teori Pensejarahan Barumenurut Greenblatt juga telah menggunakan istilah ‘rundingan’ atau ‘negotiation’ untuk menjelaskan integrasi antara suara pengarang dan catatan sejarah. Hal tersebut telah dijelaskan seperti berikut: “the work of art is the product of a negotiation between a creator or class of creators, equipped with a complex, communally shared repertoire of conventions, and the institutions and practices of society.” (Newton, 1990: 125). Petikan ini menunjukkan bahawa dalam menghasilkan sebuah karya, pengarang dengan bekalan konvensi-konvensi penulisannya itu sebenarnya berada dalam ‘keadaan berunding’ dengan institusi dan juga amalan-amalan masyarakat yang mengelilinginya. Ini bererti bahawa sastera yang terhasil telah mendapat suntikan dari pelbagai sumber termasuklah pemikiran pengarang dan latar belakangnya.

Kembali kepada perbincangan tentang keselarian dan perbandingan yang dilakukan antara teks sastera dengan sejarah, teori ini dapat mengungkapkan maksud yang pelbagai daripada sesuatu episod dalam teks. Sejarah konvensional sekadar menonjolkan tokoh-tokoh dan peristiwa penting tanpa mempedulikan beberapa golongan yang juga membentuk sejarah. Dengan itu, karya sastera yang dihasilkan oleh penulis yang lahir selepas peristiwa sejarah, membuka peluang untuk beberapa hal yang tidak mendapat tempat dalam sejarah dikemukakan kepada khalayak. Pada masa yang sama, ia membuka mata dan minda khalayak terhadap peristiwa sejarah daripada pelbagai sudut pandangan (Bertens, 2001). Sehubungan itu, peristiwa yang diangkat dalam karya sastera dipengaruhi oleh penulis dan sejarah yang

membentuk dirinya. Maka wujudlah pertalian yang erat antara teks dengan penulis. Malah, hal ini telah diperjelaskan seperti berikut:

Needless to say that with this intellectual background the new historicism and cultural materialism reject both the autonomy and individual genius of the author and the autonomy of the literary work and see literary texts as absolutely inseparable from their historical context. The role of the author is not completely negated, but it is a role that the author is at best only partially in command of. The author's role is to a large extent determined by historical circumstances.

(Bertens, 2001: 176)

Secara tuntasnya, sejarah yang dirakamkan melalui tulisan tidak dapat lari daripada memperlihatkan kemampuan seseorang penulis untuk menghasilkan suatu produk baru yang juga dianggap sebagai sejarah. Dengan kata lain, pengarang tidak lagi merakamkan sejarah, malah membina sejarah itu sendiri. Dengan itu, setiap tulisan yang mengandungi sejarah juga dipengaruhi oleh latar belakang penulis, sama ada seorang pengarang itu menghasilkan karya sejarah mahupun karya sastera. Hal inilah yang didapati dalam karya *Duka Tuan Bertakhta* dan *Hikayat Abdullah*, sepertimana yang bakal dibuktikan dalam tulisan ini. Terlepas daripada kenyataan ini, perlu juga ditekankan bahawa kajian teks berdasarkan teori Pensejarahan Baru dikatakan tidak berkesudahan kerana ia membolehkan kemasukan pelbagai perspektif yang berbeza dalam melihat teks berdasarkan peredaran zaman (Bertens, 2001).

## KONTEKS PENGHASILAN *HIKAYAT ABDULLAH* DAN *DUKA TUAN BERTAKHTA*

Antara idea penting yang ditekankan oleh Pensejarahan Baru ialah betapa latar belakang penulis atau persekitarannya, termasuk institusi dan amalan masyarakat, memainkan peranan penting dalam mencorakkan sejarah yang dilakarkan. Hal ini bererti perbincangan di tahap ini wajar melihat latar belakang penghasilan kedua-dua teks berkaitan, secara khusus pemerian Stamford Raffles yang terhasil. Sehubungan itu, dan sesuai dengan konsep ‘rundingan’ yang melibatkan persekitaran dengan tuntutan-tuntutannya itu, sebagaimana yang diperikan oleh Pensejarahan Baru, beberapa perkara wajar diberi perhatian dan dimaklumi terlebih dahulu. Sebagaimana yang diketahui umum, Abdullah Munsyi menulis hikayatnya pada tahun 1849. Ketika itu beliau bertugas sebagai jurutulis Stamford Raffles di Singapura. Ini dengan sendirinya bererti bahawa penulisan perwatakan Stamford Raffles merupakan satu rakaman yang bersifat langsung dalam erti kata pertama, penulis mengenal tokoh yang diperkatakan itu secara dekat, dan kedua, lakaran tersebut dilakukan persis pada waktu beliau mengamati tokoh berkenaan yakni tidak ada jarak tempoh yang memisahkan lakaran tersebut dengan objek yang dijadikan fokus pengamatan dan lakaran berkenaan.

Merujuk kepada Isa Kamari (2012) pula, beliau sendiri tidak pernah mengenali Stamford Raffles seperti halnya dengan Abdullah Munsyi, di samping hakikat bahawa daripada segi tempoh adalah nyata bahawa lakarannya itu terpisah dari zaman dan peristiwa yang dilakarkannya itu. Di samping itu, seperti yang disebut sebelum ini, dalam melakarkan watak Stamford Raffles ini, Isa Kamari telah merujuk kepada tulisan Abdullah Munsyi yang diperkatakan itu. Ini bererti Isa Kamari berada dalam keadaan boleh memilih untuk memasukkan atau menggugurkan bahan daripada tulisan Abdullah Munsyi yang dirujuknya itu. Justeru, pemilihan atau intervensi Isa Kamari penting guna menunjukkan kesendengangan atau biasnya khususnya dalam pelakaran perwatakan Stamford Raffles.

Seterusnya rakaman Abdullah Munsyi adalah dalam genre yang dikenali sebagai autobiografi, iaitu genre yang mengandaikan rakaman benar tentang peristiwa yang benar-benar berlaku, secara khusus peristiwa yang benar-benar berlaku pada penulis autobiografi berkenaan atau yang diamati atau didengari sendiri. Malah, tulisan Abdullah

Munsyi sering diperikan sebagai “berpijak di bumi nyata” yakni tidak tercetus daripada khayalan bersumberkan imaginasi. Ini berbeza dengan Stamford Raffles yang hadir dalam *Duka Tuan Bertakhta*, yang merupakan watak fiktif walaupun watak tersebut disandarkan kepada tokoh yang benar-benar wujud. Dengan genre sedemikian, apa yang diperikan sebagai *poetic license* atau kebebasan penulis untuk menghadirkan sesuatu dalam tulisannya menurut imaginasinya itu, sering menjadi modal yang diguna pakai oleh novelis, sebagaimana yang akan dilihat pada bahagian seterusnya nanti.

Sebagaimana yang dikatakan sebelum ini, apa yang terlakar dalam *Hikayat Abdullah* ialah hasil pengalaman Abdullah Munsyi sendiri yang dialami secara langsung. Sebaliknya, lakaran watak Stamford Raffles dalam *Duka Tuan Bertakhta* adalah disandarkan kepada buku rujukan, iaitu buku *Hikayat Abdullah* tersebut. Dalam hal ini, Isa Kamari melakukan tiga perkara. Pertama, beliau memanfaatkan tulisan Abdullah Munsyi itu sebagai rujukannya tentang sejarah, dan lebih penting lagi tentang Stamford Raffles. Kedua, beliau juga telah menghadirkan Abdullah Munsyi sebagai watak dalam novelnya, iaitu Abdullah Munsyi hadir sebagai dirinya sendiri. Ketiga, Isa Kamari juga telah memanfaatkan sedutan-sedutan daripada *Hikayat Abdullah* yang telah ditumpahkan secara bulat-bulat dalam novelnya, atau dengan kata lain beliau telah “appropriate” atau menjadikan sedutan tersebut haknya apabila diserapkan dalam novelnya itu di beberapa tempat yang difikirkan perlu.

Mungkin jauh lebih penting daripada perkara-perkara yang disebut di atas itu ialah objektif atau dorongan yang melatari penulisan kedua-dua buah teks berkenaan. Abdullah Munsyi ada menyatakan bahawa *Hikayat Abdullah* berhasil daripada satu desakan: “... bahawa dewasa itu adalah seorang sahabatku, iaitu orang putih yang kukasihi akan dia, maka ialah meminta sangat-sangat kepadaku, iaitu hendak mengetahui akan asal-usulku...” (Abdullah Munsyi, 1997: xv). Umum mengatakan bahawa “orang putih” berkenaan ialah Stamford Raffles. Sekiranya tanggapan ini benar—dan seperti yang akan dilihat pada bahagian seterusnya nanti, hujah membenarkan tanggapan ini meyakinkan—maka adalah tidak menghairankan sekiranya perspektif Abdullah Munsyi terhadap lakarannya, terutama lakaran Stamford Raffles sendiri, memperlihatkan kesendengan yang tertentu.

Merujuk kepada Isa Kamari pula, beliau sendiri mengaku bahawa *Duka Tuan Bertakhta* bertolak dari hasratnya untuk menulis sebuah sejarah Singapura yang baru, yang terbit daripada perspektif anak tempatan. Sejarah baru atau sejarah alternatif ini berbeza daripada sejarah “konvensional” Singapura yang secara umum ditulis oleh sarjana Barat yang rata-rata meletakkan Stamford Raffles sebagai tokoh yang “menemukan” Singapura seterusnya membina dan membangunkannya sehingga menjadi makmur. Sejarah “konvensional” tersebut juga sering melupakan atau meminggirkan kehadiran, peranan dan perspektif orang Melayu yang melihat dirinya sebagai peribumi Singapura. Hal ini disebutkan oleh Isa Kamari melalui blognya seperti berikut:

Menerusi *Duka Tuan Bertakhta* saya cuba mendedahkan beberapa penipuan sejarah seperti keadaan Singapura yang digambarkan sebagai sarang lanun yang hanya didiami orang Laut ketika kedatangan Raffles, padahal ramai orang Melayu telah mendiami pulau yang menjadi pusat dagangan rantau ini ketika itu. Begitu juga saya berusaha mendedahkan watak Raffles yang membenci Islam dan sebenarnya bersifat licik dan tidak berhati perut terhadap rakyat yang dijajahnya terutama orang Melayu... Harapan saya ialah agar *Duka Tuan Bertakhta* mampu menawarkan sejarah alternatif pembukaan Singapura yang bernes dan mampu mengimbangi sejarah rasmi yang telah disodorkan kepada kita sejak sekian lama.

(<http://isa-kamari.blogspot.sg/2012/03/sastera-dan-kesedaran-sejarah.html>)

Dalam konteks sejarah yang sedemikianlah lakaran watak Stamford Raffles dalam *Duka Tuan Bertakhta* dinukilkhan. Berlatarbelakangkan konteks penghasilan yang berbeza ini,

makalah ini akan melihat lakaran Stamford Raffles serta perbezaan dan persamaan yang terserlah.

## SEJARAH SINGAPURA DI TANGAN ABDULLAH MUNSYI DAN ISA KAMARI

Sesuai dengan pertimbangan Pensejarahan Baru, lakaran tentang Singapura dan secara khusus tentang Stamford Raffles di tangan kedua-dua penulis ini memperlihatkan beberapa perbezaan dan persamaan yang tertentu, yang jelas terhasil daripada pengalaman dan konteks karya masing-masing dihasilkan. Sebagai langkah awal, di tahap ini adalah menarik untuk melihat tanggapan kedua-dua penulis tersebut terhadap Stamford Raffles menerusi lakaran mereka. Merujuk kepada Abdullah Munsyi terlebih dahulu, jelas daripada kutipan di atas bahawa Abdullah Munsyi mempunyai perasaan kasih terhadap Stamford Raffles. Sesungguhnya teks *Hikayat Abdullah* itu sendiri adalah bukti “kasih” tersebut kerana teks berkenaan terhasil kerana Abdullah Munsyi secara sukarela ingin memenuhi permintaan Stamford Raffles yang hendak mengetahui akan asal-usulnya secara khusus, dan bangsa Melayu secara umum. Justeru, konteks terdekat yang mengelilingi penulisan *Hikayat Abdullah* ialah kesediaan dan kesanggupan Abdullah Munsyi untuk melakarkan hikayatnya sendiri. Perlu ditekankan bahawa hikayat ini termasuklah persahabatannya dengan Stamford Raffles. Justeru, bahawa tanggapan Abdullah Munsyi terhadap Stamford Raffles yang bersifat positif dapat diduga dari awal lagi. Malah oleh kerana keakrabannya dengan Stamford Raffles dan juga pihak Inggeris secara keseluruhannya inilah, Abdullah Munsyi pernah diselar sebagai “tali barut Inggeris”. Begitu juga, kesediaan Abdullah Munsyi membantu Paderi Keasberry untuk menterjemah Bible ke bahasa Melayu menyebabkan beliau juga diberi gelaran ‘Abdullah Paderi’. Sehubungan dengan hal ini juga, tanggapan positif Abdullah Munsyi ini perlu dilihat pada pengamatannya terhadap Stamford Raffles yang kuat disiplinnya di samping kegigihan serta ketekunan tokoh berkenaan dalam usaha mencari ilmu. Hal ini, menurut pengamatannya Abdullah Munsyi, amat berbeza dengan perangai pembesar Melayu dan masyarakat Melayu secara umum yang tidak memperlihatkan minat terhadap ilmu, walaupun kepada bahasa dan juga agama mereka sendiri, tetapi sebaliknya menghabiskan masa melakukan perkara sia-sia seperti bersabung, berjudi dan perkara seumpamanya. Dalam konteks kegigihan Stamford Raffles di satu pihak, dan keengganan masyarakat Melayu sendiri memanfaatkan masa dengan cara bijaksana dan berguna di pihak yang lain inilah, kesendengan Abdullah Munsyi itu wajar difahami. Kecenderungan Abdullah Munsyi ini dapat dilihat pada lakaran suatu peristiwa yang terakam dalam bab berjudul ‘Darihal Surat Raja Siam’. Peristiwa ini memerihalkan Raffles menerima surat daripada Raja Siam. Surat tersebut difahamkan mempunyai ciri kesombongan Raja Siam walaupun tujuan penulisan tersebut ialah untuk membina persahabatan antara pihak Siam dan Inggeris. Ciri kesombongan tersebut, yang tidak dapat dikesan oleh Abdullah Munsyi, terletak pada hanya wujudnya tiga penjuru pada surat tersebut kerana satu penjuru sudah dikoyakkan. Hal ini diperjelaskan oleh Stamford Raffles kepada Abdullah Munsyi menerusi dialog: “Ini suatu rahsia besar yang belum Encik Abdullah tahu, sahaya boleh kasi mengertinya. Adapun sebab takbur dan kebesaran serta bodohnya Raja Siam itu, pada fikirannya negerinya itulah semua dunia ini, maka yang sepenuhnya dikoyakkannya itulah sahaja negeri-negeri yang lain adanya” (Abdullah Munsyi, 1997: 193). Menurut Abdullah Munsyi, beliau memasukkan peristiwa tersebut dalam *Hikayat Abdullah* kerana beliau mahu pembaca mencontohi Raffles yang dianggap bijaksana itu. Hal ini disebutkan seperti berikut:

Maka sekalian hikayatku ini, kalau-kalau mudah-mudahan orang yang membaca hikayat ini dapat mengambil ibarat orang yang bijaksana itu [Stamford Raffles], bagaimana ia telah mendapat kebesaran dan kemuliaan serta kekayaan dan nama yang

besar itu, bahawa ia itu bukannya dari sebab bagus rupanya atau sebab tinggi bangsanya, melainkan bijaksananya dan ilmunya...

(Abdullah Munsyi, 1997: 194)

Peristiwa tersebut menggambarkan dengan jelas keakraban Abdullah Munsyi dengan Stamford Raffles yang dilihat bersedia untuk “berkongsi ilmu” dengan Abdullah Munsyi. Keakraban ini seterusnya terserlah dalam lakaran Stamford Raffles menyediakan surat sokongan untuk Abdullah Munsyi sebelum dia pulang ke Eropah. Surat tersebut ialah untuk membolehkan Abdullah Munsyi mendapatkan pekerjaan dengan orang-orang besar Inggeris yang datang ke Singapura kelak (Abdullah Munsyi, 1997: 205). Perihal ini memperlihatkan Stamford Raffles sebagai seorang yang mengenang jasa dan tahu pula membala budi. Gambaran Stamford Raffles yang positif seperti ini merupakan bentuk lakaran Abdullah Munsyi yang konsisten tentang tokoh berkenaan.

Beralih kepada Isa Kamari pula, perlu diingat kembali hasrat beliau untuk menulis sejarah alternatif yang melihat pihak Inggeris sebagai punca kejatuhan orang Melayu, dan kejatuhan ini disimbolkan oleh Stamford Raffles yang diperikan oleh sejarah konvensional sebagai “penemu” pulau Singapura. Berdepan dengan lakaran positif tentang Stamford Raffles yang ditemui dalam *Hikayat Abdullah* itu, Isa Kamari memilih untuk memberi perspektifnya terhadap tokoh ini, yang seterusnya mewarnai sejarah Singapura yang ingin dilakarkannya itu. Dalam novelnya, Isa Kamari memperlihatkan bahawa perilaku Stamford Raffles terhadap Abdullah Munsyi ialah satu muslihat yakni sifat jahat Raffles yang memperalatkan Abdullah Munsyi. Ini dilakukan oleh novelis dengan memberi dialog kepada Stamford Raffles yang berbunyi: “Dia [Abdullah Munsyi] terpaksa bersetuju. Periuk nasinya dalam tanganku” (Isa Kamari, 2011: 159). Menerusi dialog tersebut, persahabatan antara Abdullah Munsyi dan Stamford Raffles, yang dibanggakan oleh Abdullah Munsyi dalam *Hikayat Abdullah*, bertukar menjadi satu keterpaksaan dalam *Duka Tuan Bertakhta* kerana Abdullah Munsyi kini kelihatan memerlukan Stamford Raffles untuk urusan menyara hidupnya. Lakaran ini ialah satu kelengungan daripada versi *Hikayat Abdullah* dan merupakan intervensi Isa Kamari yang dilihat sejajar dengan urusannya untuk menulis sejarah alternatif yang mempertikaikan peranan Stamford Raffles dan Inggeris secara keseluruhannya.

Di samping itu, kesendengan kedua-dua penulis ini dapat dikesani dengan jelas melalui lakaran Abdullah Munsyi terhadap Stamford Raffles. Hal ini terserlah pada catatan Abdullah Munsyi yang menghususkan sebuah bab bertajuk ‘Darihal Tuan Raffles membuat undang-undang negeri Singapura adanya’ dalam *Hikayat Abdullah*. Permulaan bab ini mengisahkan Stamford Raffles menggubal undang-undang yang akan dilaksanakan di Singapura. Hal ini mendapat sambutan yang baik oleh rakyat Singapura kecuali orang Cina yang tidak dapat lagi berjudi (Abdullah Munsyi, 1997). Selain itu, dan sebelum perihal undang-undang berkenaan dinukilkan dalam hikayatnya, Abdullah Munsyi juga menulis bahawa Stamford Raffles juga menyuarakan niatnya kepada Sultan Hussein dan Temenggung untuk membina sekolah untuk rakyat Singapura (Abdullah Munsyi, 1997). Dalam *Duka Tuan Bertakhta*, kedua-dua perkara tersebut, iaitu undang-undang dan sekolah yang dirancang oleh Stamford Raffles, tidak mendapat tempat. Tambahan lagi, hasrat watak Habib Nuh untuk membina sebuah sekolah untuk anak-anak Melayu pada ketika itu juga diselar oleh watak Crawfurd yang merupakan pengganti Raffles sebagai pemimpin di Singapura. Ketiadaan dan penafian dua perkara tersebut dalam novel *Duka Tuan Bertakhta* dapat dilihat sebagai usaha untuk memastikan perwatakan Stamford Raffles tidak mendapat lakaran positif, yang seterusnya menjadikan lakaran tersebut sesuai dengan sejarah alternatif yang dihasratkan oleh Isa Kamari.

Selain itu, tanggapan Abdullah Munsyi dan Isa Kamari terhadap Stamford Raffles juga terserlah pada peristiwa perbincangan Stamford Raffles dengan pemimpin Singapura

berkaitan pelaburan wang yang diberikan kepada Sultan Hussein dan Temenggung. Stamford Raffles mencadangkan supaya wang yang diterima oleh kedua-dua individu tersebut khususnya Sultan Hussein dilaburkan pada perniagaan agar baginda mendapat keuntungan yang lebih. Sultan Hussein menolak cadangan Stamford Raffles itu atas alasan ia melanggar adat. Abdullah Munsyi seterusnya mencatatkan bahawa Stamford Raffles memberi pendapatnya tanpa berselindung: “Tuan Sultan, sahaya hairan mendengarkan adat bodoh ini. Bagaimana jahat berniaga itu menjadi aib, tetapi merompak itu tiada aib?” (Abdullah Munsyi, 1997: 166). Peristiwa ini memperlihatkan Stamford Raffles sebagai seorang yang berani bersuara walaupun berhadapan dengan seorang sultan. Hal ini jelas berbeza dengan adat resam orang Melayu secara umumnya yang menghormati para pemimpin khususnya masyarakat Melayu pada zaman tersebut. Nukilan Abdullah Munsyi ini akur dengan tanggapan beliau yang melihat Stamford Raffles sebagai seorang yang berani iaitu sifat yang beliau hargai. Beralih kepada novel *Duka Tuan Bertakhta*, Isa Kamari memilih untuk menceritakan perkara yang sama dengan mengekalkan penolakan Sultan Hussein dan Temenggung terhadap pelawaan Stamford Raffles. Namun, memandangkan novelis ingin mengekalkan imej Stamford Raffles yang tidak memahami pemikiran orang Melayu, Isa Kamari telah menutup respons daripada Temenggung ini dengan ayat “Raffles dan Crawfurd tersenyum sinis.” (Isa Kamari, 2011: 132). Kenyataan ringkas ini ternyata memberi maksud yang tertentu terutamanya bagi pembinaan watak Stamford Raffles yang angkuh. Reaksinya yang tersenyum sinis itu menunjukkan bahawa watak Stamford Raffles sedang memerli pemikiran para pemimpin Melayu yang tidak tahu memajukan diri mereka. Dengan reaksi sebegini, ternyata novelis dapat mengekalkan imej Stamford Raffles yang dibinanya sebagai seseorang yang memiliki perwatakan yang negatif dan merendah-rendahkan orang Melayu.

Dengan tanggapan sedemikian oleh kedua-dua penulis tersebut, maka lakaran pelbagai peristiwa dalam teks masing-masing jelas memperlihatkan perbezaan yang nyata. Beberapa contoh perbezaan tersebut akan diperlihatkan dalam analisis seterusnya. Perbezaan pertama dapat dilihat pada peristiwa penyerahan Singapura, iaitu satu peristiwa yang sangat penting dalam pensejarahan Singapura. Sebagaimana yang diperkatakan, lakaran Abdullah Munsyi tentang penyerahan Singapura kepada pihak Inggeris khususnya Stamford Raffles memperlihatkan perspektif tertentu. Menurut catatan Abdullah Munsyi (1997), Temenggung hanya menemui Farquhar seorang diri kerana Stamford Raffles telah pergi ke Aceh pada waktu pertemuan pertama. Apa yang jelas ialah Stamford Raffles tidak hadir dalam pertemuan berkenaan. Pertemuan antara Farquhar dan Temenggung ini dapat dilakukan kerana Farquhar tidak ada masalah dengan Sultan Hussein kerana mereka mempunyai hubungan yang rapat. Justeru, Farquhar tidak menghadapi apa-apa masalah untuk menyelesaikan hal ini seorang diri tanpa bantuan Stamford Raffles. Ternyata dalam peristiwa pertemuan ini beberapa perkara terserlah. Pertama, Farquhar dilakar oleh Abdullah Munsyi sebagai seorang pegawai Inggeris yang baik dan kehadirannya disukai oleh orang Melayu. Dalam konteks peristiwa ini, dan secara khusus di tahap ini, Stamford Raffles tidak terlibat. Tegasnya, dalam lakaran ini perwatakan Stamford Raffles adalah neutral.

Berbeza dengan lakaran Abdullah Munsyi, Isa Kamari memilih untuk “menulis” sejarahnya sendiri, sesuai dengan hasratnya untuk menulis sejarah baru. Justeru dengan sedar dan sengaja beliau membuat intervensi yang jelas. Umpamanya, pengisahan beliau tentang peristiwa yang sama memperlihatkan perbezaan daripada lakaran Abdullah Munsyi yang menjadi rujukannya. Isa Kamari memilih untuk menghadirkan watak Stamford Raffles pada babak perjanjian awal antara pihak Inggeris dan Temenggung. Hal ini diolah dalam bab Rambutan dan Durian, secara khusus pada babak Temenggung menyajikan buah durian kepada Stamford Raffles dan Farquhar kerana meminta Stamford Raffles menandatangani draf perjanjian:

Raffles sekadar menghidu-hidu jari-jemarinya yang terlekat bau busuk durian walaupun dia telah mencuci kedua-dua tangannya dengan air dalam bekas yang dibawa pelayan. Dia pura-pura tersenyum. Dia berasakan dirinya telah ditempelak dan dihina Temenggung. Hatinya menyimpan hasrat hendak membala dendam terhadap perbuatan Temenggung pada suatu hari kelak.

(Isa Kamari, 2011: 47-48)

Ternyata kehadiran watak Stamford Raffles dalam babak menjamu buah durian tersebut, sesuatu yang jelas tidak disenangi oleh Stamford Raffles, memberi ruang untuk memperlekehkan Stamford Raffles. Ini dilakukan pula dalam bentuk sindiran yang bersifat komik. Ini dengan sendirinya mencalar imej Stamford Raffles yang dalam sejarah konvensional dan juga lakaran Abdullah Munsyi merupakan imej positif. Penulisan semula watak Stamford Raffles ini dilanjutkan oleh Isa Kamari apabila dalam babak yang sama beliau menyelitkan satu adegan setelah persetujuan mengenai draf perjanjian dilakukan. Ini secara khusus merujuk kepada kenyataan Stamford Raffles seperti berikut: “Sebagai Leftenan Gabenor British yang berpangkalan di Bengahulu, saya isytiharkan secara rasmi Singapura ditemukan British pada hari itu...” (Isa Kamari, 2011: 55). Kenyataan tersebut menyerlahkan kesombongan Stamford Raffles sebagai seorang yang tidak mengambil kira keadaan sebenar dan perasaan pemimpin Singapura pada waktu itu. Hal ini diperkuatkan apabila novelis menyatakan bahawa Temenggung dan Sultan Hussein menjadi terpinga-pinga dengan kenyataan Stamford Raffles tersebut kerana hakikat sebenar ialah Singapura memang sudah makmur dan menjadi ‘kota pelabuhan’ (Isa Kamari, 2011: 56) *sebelum* kedatangan Inggeris. Ternyata kemasukan watak Stamford Raffles, dan lebih lagi kenyataannya itu, adalah bertujuan untuk memperkuatkan imej Stamford Raffles sebagai pentadbir Inggeris yang angkuh serta mempunyai agendanya sendiri untuk mendapat nama dalam sejarah sebagai “penemu” Singapura. Pembinaan ini selaras dengan hasrat Isa Kamari untuk mempertikaikan perwatakan Stamford Raffles sebagai tokoh positif dan juga “penemu” Singapura, sebagaimana yang tertera dalam sejarah konvensional dan lakaran Abdullah Munsyi.

Turut berkait dengan soal “penyerahan” Singapura ini, pada awal hubungan antara Singapura dengan Stamford Raffles dalam *Hikayat Abdullah*, Raffles dikatakan mendapat persetujuan oleh Sultan Hussein @ Tengku Long untuk memakmurkan dan membina Singapura. Persetujuan ini dilakukan dengan ‘kesukaan dan ‘kerelaan’ (Abdullah Munsyi, 1997). Lakaran tersebut memperlihatkan Stamford Raffles berniat baik untuk membantu orang Melayu dalam mentadbir negara yang ditaklukinya. Tegasnya, penyisipan persetujuan ini dalam *Hikayat Abdullah* memberi kesan positif terhadap Inggeris khususnya Stamford Raffles sebagai seorang yang memikirkan kemaslahatan negara khususnya orang Melayu. Bersabit dengan perkara yang sama ini, Isa Kamari memilih untuk tidak menyebutnya dalam *Duka Tuan Bertakhta*. Sebaliknya novel ini melakarkan bahawa pada awalnya Sultan Hussein dan Temenggung dikatakan hanya difahamkan bahawa kehadiran pihak Inggeris di Singapura adalah untuk membina loji. Lakaran sedemikian dengan jelas memberi gambaran negatif terhadap Inggeris khususnya Stamford Raffles yang kelihatan rakus dan oportunist. Lakaran sedemikian dapat difahami sebagai usaha untuk menyejajarkannya dengan hasrat Isa Kamari sendiri yang ingin “membetulkan” sejarah konvensional Singapura yang mengistimewakan Stamford Raffles.

Perbezaan lakaran Stamford Raffles oleh Abdullah Munsyi dan Isa Kamari seterusnya dapat dilihat pada peristiwa Farquhar ditikam oleh Sayid Yassin. Di tangan Abdullah Munsyi, peristiwa ini diceritakan dengan lengkap, termasuklah perihal kehadiran Stamford sebagai salah seorang pelawat yang menziarahi Farquhar. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Maka apabila didengar oleh Tuan Raffles perkataannya itu, maka seperti api bernyala-nyala marahnya, maka digenggamnya tangannya, diacuhkan ke muka Tuan

Bernard itu, jatuhlah cepiaunya ke tanah, sambil katanya “Ingat engkau baik-baik; kalau Farquhar mati, engkau pun aku gantung di Singapura.”

(Abdullah Munsyi, 1997: 177)

Petikan tersebut memberi gambaran bahawa Stamford Raffles mengambil berat tentang keadaan Farquhar yang cedera pada waktu itu. Malah, beliau diperlihatkan sanggup menghukum Tuan Bernard sekiranya Farquhar mati akibat tikaman tersebut. Hal ini menguatkan lagi tulisan Abdullah Munsyi yang sendeng terhadap Raffles dan sekali gus mengangkat kebaikan beliau.

Isa Kamari sebaliknya memilih untuk hanya menceritakan cebisan kisah Farquhar ditikam dan diziarahi oleh orang ramai. Lakaran Isa Kamari tersebut memberi kesan positif terhadap Farquhar yang diperlihatkan sebagai seorang yang disenangi oleh orang awam. Begitu juga rakaman peristiwa yang dibuat tanpa secara khusus menghadirkan Stamford Raffles sebagai salah seorang yang menziarahi Farquhar sekali gus mengetengahkan Farquhar di samping menenggelamkan Stamford Raffles. Lebih penting lagi, pembuangan dialog Stamford Raffles yang memperlihatkan keprihatinannya terhadap keadaan Farquhar, seperti yang diceritakan oleh Abdullah Munsyi itu, jelas menunjukkan keengganinan Isa Kamari untuk memberi sisi positif terhadap Stamford Raffles. Ini secara tidak langsung juga memperlihatkan manipulasi Isa Kamari untuk memperlihatkan perbezaan perwatakan antara Stamford Raffles yang dilakarkan sebagai kejam terhadap pemerintahan Singapura di satu pihak, dan lakaran Farquhar yang positif kerana memihak pada masyarakat tempatan di pihak yang lain. Pada masa yang sama, watak buruk Stamford Raffles ini diperhebatkan apabila dia digambarkan sebagai seorang yang bukan sahaja menindas masyarakat tempatan tetapi juga mereka yang di sekelilingnya termasuklah watak Farquhar yang sebangsa dengannya. Intervensi novelis tersebut, terutama pembuangan dialog Stamford Raffles, jelas menunjukkan keengganinan Isa Kamari memberi kedudukan yang tinggi terhadap Stamford Raffles.

Masih bersabit dengan soal Farquhar, perlu ditekankan bahawa Isa Kamari menggunakan teknik perbandingan antara Stamford Raffles dan Farquhar. Menurut tulisan Isa Kamari, Farquhar meninggalkan Singapura disebabkan perasaan sakit hati Stamford Raffles terhadapnya. Stamford Raffles menentang cara Farquhar memerintah kerana terlalu menyebelahi orang tempatan, dan cara Farquhar ini diadukan kepada pihak atasan Syarikat Hindia Timur. Hasil aduan Stamford Raffles itu, Farquhar telah disingkirkan dan digantikan dengan Crawfurd. Beralih kepada cara penulisan Abdullah Munsyi pula, lakaran Abdullah Munsyi tentang Farquhar rata-rata ialah positif. Ini kerana Abdullah Munsyi memang menyenangi pegawai Inggeris tersebut yang dilihat berhemah dan pandai orangnya. Namun, perlu ditekankan bahawa lakaran Farquhar yang positif itu tidak diketengahkan sebagai perbandingan perwatakan Stamford Raffles, walaupun perwatakan Stamford Raffles juga positif, malah jauh lebih positif daripada perwatakan Farquhar. Dengan menghindari perbandingan ini, Abdullah Munsyi jelas memperuntukkan kedudukan istimewa dan eksklusif bagi Stamford Raffles, dengan itu memastikan Stamford Raffles tidak dibayangi, jauh sekali diatasi, oleh pegawai Inggeris yang lain. Ini jelas menunjukkan bias Abdullah Munsyi terhadap Stamford Raffles.

Satu lagi aspek yang terdapat dalam kedua-dua teks yang menyerlahkan perwatakan Stamford Raffles terletak pada pendirian tokoh tersebut terhadap Islam. Dalam hal ini, kedua-dua orang penulis memperlihatkan ketekalan dalam lakaran mereka terhadap Stamford Raffles yang dibina dalam teks masing-masing. Umpamanya, dalam *Duka Tuan Bertakhta* perkara yang ditekankan oleh Isa Kamari dapat dilihat menerusi keseluruhan novel yang memberi fokus pada pengaruh agama dalam masyarakat pada waktu penjajahan. Novelis memperlihatkan wujudnya saingen dan cabaran antara agama Krisitan yang dibawa oleh Inggeris dan agama Islam yang menjadi pegangan masyarakat tempatan pada waktu itu.

Merujuk kepada Stamford Raffles dan kaitannya dengan Islam, watak tersebut dibina untuk merendah-rendahkan dan seterusnya menjatuhkan Islam. Seterusnya penghinaan yang dilakukan oleh watak itu terhadap Islam diperkuatkan dengan kehadiran watak Habib Nuh yang dianggap oleh masyarakat tempatan sebagai seorang wali. Watak wali ini mempunyai keistimewaan magis yang tidak dapat dinafikan oleh Stamford Raffles. Walaupun demikian, Stamford Raffles kerap merendah-rendahkan kebolehan magis yang dimiliki oleh watak ini. Hal ini diperlihatkan menerusi dialog Stamford Raffles seperti berikut: “Biar orang Melayu di sini percaya pada agama Muhammad yang ajaib. Orang seperti dia [Habib Nuh] tak akan ganggu pentadbiran dan pemerintahan kita,” (Isa Kamari, 2011: 140). Petikan yang merendah-rendahkan Habib Nuh ini dapat dikesan sebagai salah satu cara Stamford Raffles menenangkan dirinya sedangkan diketahui bahawa watak wali itu ialah ancaman buatnya. Hal ini disebutkan melalui surat Stamford Raffles kepada Crawfurd: “Teruskan usaha menyekat kegiatan Habib Nuh yang dianggap wali oleh orang Melayu di Singapura” (Isa Kamari, 2011: 359). Dengan kemasukan petikan tersebut, Stamford Raffles diperlihatkan sebagai seorang pemimpin berkuasa yang berasa terancam oleh seorang pemimpin agama yang langsung tidak menyentuh hal politik negara. Hal ini tidak dapat tiada memberi kesan negatif terhadap perwatakan dan ketokohan Stamford Raffles.

Seterusnya, perihal sikap Stamford Raffles terhadap Islam ini diperpanjangkan oleh novel, secara khusus dalam babak di mana Stamford Raffles diperlihatkan seolah-olah menerima balasan atas sikap dan perbuatannya itu. Hal ini dapat dilihat pada bab ‘Api’ iaitu sewaktu kebakaran kapal yang dinaiki Stamford Raffles untuk pulang ke England. Novelismemilih untuk menggambarkan peristiwa tersebut dari sisi Stamford Raffles.Ini membolehkan novelis untuk menyisipkan apa yang diperikan sebagai kesedaran watak tersebut atas balasan yang diterimanya kerana tidak menghormati ketuanan orang Melayu di Singapura. Hal ini digambarkan dalam *Duka Tuan Bertakhta* seperti berikut: “Dalam kesepian malam yang dingin itu, dia seperti terdengar sayup-sayup suara sekumpulan orang berzikir dengan rentetan kalimat ‘Lailahaillallah’... Gema suara tersebut semakin kuat kedengaran. Dia [Stamford Raffles] terkejut dan berasa gerun mendengarkannya. Tubuhnya menggil dan bulu tengkuknya merinding.” (Isa Kamari, 2011: 212). Petikan tersebut memperlihatkan Stamford Raffles seolah-olah menerima ‘tulah’ daripada orang Melayu kerana telah mempergunakan Sultan Hussein dan Temenggung yang merupakan pemimpin orang Melayu. Seterusnya, dengan memasukkan zikrullah dalam peristiwa ini, Isa Kamari dengan langsung mengaitkannya dengan Islam iaitu agama yang Stamford Raffles tidak senangi itu. Dalam erti kata lain, Isa Kamari melakarkan watak Stamford Raffles sedemikian rupa untuk memperlihatkan “hukuman” yang menimpa Stamford Raffles kerana sikap dan perbuatannya itu terhadap agama Islam. Intervensi Isa Kamari tersebut memberi laluan kepadanya untuk memperkuuhkan sejarah alternatif yang dihasratkannya itu melalui sebuah karya kreatif.

Satu lagi perkara yang mendapat perhatian kedua-dua penulis ialah soal pembinaan masjid di Kampung Gelam. Dalam hal ini, Abdullah Munsyi dalam tulisannya tidak menyebut tentang respons Stamford Raffles apabila diajukan tentang pembinaan masjid Sultan di Kampung Gelam. Selaras dengan kehadiran Masjid Sultan yang dibina pada zaman penjajahan British, campur tangan Stamford Raffles dalam hal ini tidak dapat dielakkan, lebih-lebih lagi dengan kehadirannya sebagai pemerintah Singapura di samping cita-citanya untuk diabadikan sebagai pentadbir Inggeris yang membangunkan Singapura. Dengan menghilangkan suara Stamford Raffles dalam hal ini, ia menjadikan individu tersebut sebagai pegawai Inggeris yang bersifat neutral dalam hal pembinaan masjid tersebut.

Walaupun demikian, Raffles mendapat lakaran yang berbeza di tangan Isa Kamari. Dalam novelnya itu, Isa Kamari memperlihatkan watak Stamford Raffles pada awalnya keberatan untuk memberikan peruntukan wang kepada Sultan Hussein dan Temenggung

dengan alasan yang disebutkan melalui dialog berikut: “Maaf, Sutan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman. Saya mahu jelaskan, Syarikat Hindia Timur tidak boleh masuk campur urusan agama orang Melayu. Jadi saya tidak boleh beri wang untuk bina masjid” (Isa Kamari, 2011: 135). Keengganan Stamford Raffles ini mengundang kekecewaan pihak pemimpin Melayu kerana hajat mereka tidak kesampaian. Namun novel *Duka Tuan Bertakhta* kemudian menghadirkan watak Farquhar yang berbincang dengan Stamford Raffles tentang perkara tersebut dan akhirnya Stamford Raffles bersetuju dengan Farquhar bahawa pembinaan masjid dapat menambat hati pemimpin dan masyarakat tempatan. Ditinjau dari segi hasrat Isa Kamari untuk menulis sejarah alternatif yang mencabar keistimewaan yang diberikan kepada Stamford Raffles oleh sejarah konvensional, adalah jelas lakaran peristiwa ini meletakkan Stamford Raffles dalam keadaan yang negatif. Ini diperkuuhkan lagi kerana hal tersebut melibatkan pembinaan masjid atau rumah ibadah untuk menyembah Allah SWT yang bagi orang Melayu amat bermakna sekali. Keengganan Stamford Raffles itu dengan mudah dapat mencalarkan ketokohnanya yang positif dalam sejarah konvensional. Juga menarik untuk diamati bahawa dalam peristiwa ini, Isa Kamari sekali lagi meletakkan Stamford Raffles dalam keadaan yang dibandingkan secara tuntas dengan Farquhar, di mana Stamford Raffles jelas diperlihatkan negatif sementara Farquhar pula muncul sebagai watak yang positif.

## KESIMPULAN

Sejarah Singapura yang ditangani oleh beberapa orang pengarang sama ada orang tempatan atau orang luar rata-rata telah menyerlahkan satu wajah yang tertentu, yang sering pula diajukan sebagai sejarah arus perdana. Sejarah tersebut, yang sering dirujuk sebagai sejarah konvensional, rata-rata menggambarkan Stamford Raffles sebagai “penemu” Singapura, iaitu tokoh yang seterusnya memaju dan memakmurkan pulau tersebut. Sejarah ini juga menyepikan dan menafikan kedudukan dan kehadiran orang Melayu sebagai peribumi pulau tersebut. Dengan menggunakan beberapa idea pokok daripada Pensejarahan Baru khususnya idea konteks penghasilan teks dan latar belakang penulis, dua buah teks iaitu *Hikayat Abdullah* dan *Duka Tuan Bertakhta* yang melakarkan sejarah Singapura, secara khusus tokoh dan perwatakan Stamford Raffles, telah dirungkai untuk melihat sejauh mana konteks dan persekitaran kedua-dua penulis berkenaan, sebagaimana yang diperikan oleh Pensejarahan Baru, telah mencorakkan sejarah yang dilakarkan terutama ketokohan Stamford Raffles tersebut. Analisis dengan jelas menunjukkan bahawa keakraban Abdullah Munsyi yang mengenali Stamford Raffles secara peribadi, di samping keagumannya terhadap budaya kerja dan sifat kegigihan mencari ilmu yang diperlihatkan oleh Stamford Raffles itu, telah turut mewarnai perwatakan tokoh berkenaan dengan tinta yang positif. Ini dilihat melalui penyerlahan peristiwa serta episod yang memperlihatkan keunggulan Stamford Raffles sama ada selaku seorang penjajah kolonial yang prihatin terhadap kemaslahatan masyarakat yang dijajahnya, seorang pentadbir yang bijaksana dan seorang manusia yang berdisiplin dan pintar. Khususnya sebagai pentadbir kolonial, Stamford Raffles di tangan Abdullah Munsyi hadir sebagai seorang yang membantu membangunkan Singapura untuk kebaikan bersama yakni pihak kolonial dan juga pihak masyarakat tempatan yang dijajahnya. Lakaran ini diimbangi dengan meletakkan Stamford Raffles dalam keadaan neutral dalam situasi yang sensitif sifatnya terutama dalam percaturan dengan masyarakat tempatan yang ditadbirnya. Isa Kamari sebaliknya membenarkan hasratnya untuk menulis sejarah alternatif yang menyangkal sejarah konvensional yang sedia ada dengan melakarkan Stamford Raffles dengan tinta yang negatif. Ini diserlahkan melalui peristiwa, tindak tanduk dan dialog yang dipilih untuk dimasukkan, digugurkan, diperkecil atau diperbesarkan signifikannya, sesuai dengan hasratnya itu. Hal ini diperkuuhkan dengan menggunakan teknik meletakkan

Stamford Raffles dalam keadaan sentiasa dibandingkan dengan Farquhar, juga seorang pentadbir kolonial, dengan itu memperhebatkan kejelikan Stamford Raffles yang terserlah sebagai seorang yang mempunyai perwatakan buruk. Hal ini jelas dalam *Duka Tuan Bertakhta* kerana sejarah yang dilakar oleh Isa Kamari itu menunjukkan tidak semua pentadbir kolonial bersifat jahat seperti Stamford Raffles kerana ada juga yang baik seperti Farquhar. Dengan pemilihan-pemilihan yang dibuatnya itu, Stamford Raffles di tangan Isa Kamari hadir sebagai penjajah yang sompong, angkuh, hanya mendahuluikan kepentingan kolonialnya, dan tidak pedulikan masyarakat tempatan yang dijajahnya. Ternyata, dengan melihat konteks dan pengalaman penulis, seperti yang ditekankan oleh Pensejarahan Baru, sebuah karya teks dapat dirungkai untuk menyerlahkan kesendengaran penulisnya. Justeru, tidak keterlaluan andaian perwatakan Stamford Raffles yang positif di tangan Abdullah Munsyi itu terhasil daripada pengalamannya yang memang mempunyai hubungan baik dengan tokoh berkenaan. Sementara itu, *Duka Tuan Bertakhta* oleh Isa Kamari ialah sebuah teks yang menceritakan keadaan Singapura dari sudut pandangan seorang Melayu yang kecewa dengan sejarah yang menafikan hak mereka selaku peribumi pulau tersebut dan yang kini menanggung petaka dijajah oleh tokoh seperti Stamford Raffles itu. Dengan kata lain, *Duka Tuan Bertakhta* ialah usaha menulis semula sebuah sejarah demi membetulkan apa yang diperikan sebagai sebuah sejarah palsu yang selama ini mendominasi pensejarahan Singapura.

## RUJUKAN

- Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. 1997. *Hikayat Abdullah*. Singapore: Penerbitan Pustaka Antara.
- Barry, P. 2009. *Beginning theory: An introduction to literary and cultural theory*. Manchester: Manchester University Press.
- Bertens, H. 2001. *Literary theory: The basics*. London and New York: Routledge.
- Isa Kamari. 2011. *Duka tuan bertakhta*. Kuala Lumpur: Ameen Kreatif Sdn. Bhd.
- Isa Kamari. 2012. <http://isa-kamari.blogspot.sg/2012/03/sastera-dan-kesedaran-sejarah.html> (10 Mei 2012).
- Newton, K. M. 1990, *Interpreting the text: A critical introduction to the theory and practise of literary interpretation*. Hertfordshire: Harvester Wheatsheaf.
- Noraini Md Yusof & Ruzy Suliza Hashim. 2011. ‘History into fiction: Re-visioning the past in Isa Kamari’s novel, *Atas nama cinta*’ Dlm. *Malay Literature* 23, 2: 1-17.
- Seldan, R. & Widdowson, P. 1993. *A reader’s guide to contemporary literary theory*. Hertfordshire: Harvester Wheatsheaf.

### Biodata Penulis:

#### **Siti Aisyah Binte Mohamed Salim**

Siti Aisyah Binte Mohamed Salim merupakan seorang guru bahasa dan sastera Melayu di Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura. Setelah menamatkan pengajiannya di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Persuratan Melayu, beliau kini sedang menyiapkan pengajian sarjananya di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) di universiti yang sama dengan pengkhususan sastera Melayu Singapura.

#### **Ungku Maimunah Mohd Tahir**

Ungku Maimunah Mohd. Tahir ialah Profesor dan Felo Penyelidik Utama di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.